

HELAIAN KETERANGAN PRODUK – ALLIANCE e-AMANAH

Dikeluarkan oleh;



Diedarkan oleh;

Alliance Islamic Bank Berhad

Sila baca Helaiian Keterangan Produk ini dengan teliti sebelum membuat keputusan untuk melanggan perkhidmatan peramanahan Alliance e-Amanah. Anda dinasihatkan untuk memastikan bahawa anda telah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat am yang berkuat kuasa.

1. Apakah yang dimaksudkan Alliance e-Amanah?

Alliance e-Amanah ialah perkhidmatan peramanahan iaitu Dana Amanah yang ditawarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad dengan kerjasama Rakyat Trustee Berhad (RTB) sebagai Pemegang Amanah, bagi memastikan proses pentadbiran pusaka pelanggan dapat dijalankan dengan lancar selepas kematian. Konsep Amanah merangkumi nilai kepercayaan, integriti dan tanggungjawab. Ia menuntut seseorang untuk bertindak dengan jujur, ikhlas dan bertanggungjawab dalam menjaga kepentingan pihak yang diamanahkan.

Dana Amanah ini diwujudkan melalui bayaran bulanan atau tahunan oleh pelanggan dan beroperasi berdasarkan konsep Tabarru', iaitu prinsip saling membantu sesama peserta melalui dana bersama yang digunakan untuk menyokong ahli yang berdepan musibah seperti kematian, penyakit atau kehilangan harta. Konsep ini selaras dengan nilai-nilai Islam seperti kerjasama, bantuan bersama dan tanggungjawab kolektif. Dalam pelaksanaan perkhidmatan ini, Alliance Bank bertindak sebagai Wakil (Wakalah) kepada Rakyat Trustee Berhad, di mana bank diberi pemberian kuasa (wakalah) untuk menjalankan urusan berkaitan Dana Amanah mengikut skop tanggungjawab yang dipersetujui antara pihak-pihak.

2. Siapakah yang boleh melanggan Alliance e-Amanah ini?

- i. Individu berumur 18 tahun hingga 79 tahun, mengikut had kelayakan umur yang ditetapkan.
- ii. Individu yang berkelayakan dan berkemampuan untuk membuat bayaran bagi penubuhan Dana Amanah melalui kaedah pembayaran bulanan atau tahunan.
- iii. Pelanggan hendaklah membaca, memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat produk Alliance e-Amanah sebelum melanggan.

3. Bolehkah melanggan Alliance e-Amanah sekiranya mempunyai masalah kesihatan?

Pelanggan masih boleh melanggan Alliance e-Amanah, namun faedah Dana Amanah bagi penyakit sedia ada hanya layak dibayar selepas 12 bulan dari Tarikh Pelaksanaan Produk, manakala faedah akibat kemalangan berkuat kuasa serta-merta.

4. Berapakah had umur perolehan nilai tabung Alliance e-Amanah?

Bagi Keilatan Upaya Kekal Menyeluruh, pelanggan mesti disahkan dalam keadaan tersebut selama sekurang-kurangnya 6 bulan, dan nilai Tabung Amanah akan ditempatkan di RTB sehingga kematian, dengan had umur perolehan sehingga 80 tahun tertakluk kepada terma dan syarat.

5. Bolehkah hanya melanggan Alliance e-Amanah sahaja atau perlu dipakejkan dengan produk pewarisan yang lain?

Pelanggan boleh melanggan Alliance e-Amanah secara standalone, namun digalakkan menyediakan sekurang-kurangnya Wasiat Asas melalui Alliance e-Warisan bagi memudahkan proses pentadbiran harta pusaka.

7. Apakah kaedah bayaran yang dibenarkan bagi melanggan Alliance e-Amanah?

Bayaran Alliance e-Amanah boleh dibuat sama ada secara tahunan melalui FPX atau secara bulanan melalui e-Mandate untuk potongan automatik.

6. Berapakah bayaran bulanan yang dikenakan untuk melanggan Alliance e-Amanah?

Bayaran bulanan bagi melanggan produk ini adalah adalah serendah RM20 sebulan. Pakej bayaran bulanan atau tahunan dan nilai Tabung Amanah seperti berikut:

BAYARAN BULANAN/TAHUNAN	NILAI TABUNG AMANAH
RM20 sebulan / RM240 setahun	RM20,000
RM40 sebulan / RM480 setahun	RM40,000
RM60 sebulan / RM720 setahun	RM60,000
RM80 sebulan / RM960 setahun	RM80,000
RM100 sebulan / RM1,200 setahun	RM100,000

8. Apakah keistimewaan melanggan Alliance e-Amanah?

i. Bukan Harta Pusaka

Tabung Amanah ini tidak dianggap sebagai harta pusaka dan akan ditadbir sepenuhnya mengikut terma-terma yang dinyatakan dalam Surat Ikatan Amanah (SIA)..

ii. Manfaat Pelanggan

Tabung Amanah disediakan bagi membantu waris menyelesaikan fi dan kos Pentadbiran Harta Pusaka apabila pelanggan meninggal dunia.

Jika terdapat baki dana, Rakyat Trustee Berhad (RTB) sebagai Pemegang Amanah akan:

- menyelesaikan hutang piutang pelanggan (jika ada); dan/atau
- mengagihkan baki tersebut secara amanah kepada waris/benefisiari seperti yang dinamakan dalam SIA.
- Segala pentadbiran dana dibuat oleh RTB mengikut terma dan syarat SIA.

iii. Had Umur Penyertaan Maksima 79 Tahun Dan Bayaran Bulanan Atau Tahunan Tetap.

Pelanggan boleh menyertai dari usia 18 hingga maksimum 79 tahun, manakala manfaat Tabung Amanah boleh diterima sehingga usia 80 tahun. Bayaran bulanan atau tahunan adalah tetap dan tidak berubah mengikut umur atau keadaan kesihatan pelanggan.

iv. Bayaran Tidak Membebankan Dan Nilai Tabung Amanah Tinggi.

Pelanggan boleh melanggan melalui pakej bermula serendah RM20 sebulan, dengan nilai Tabung Amanah sehingga RM100,000, menjadikannya perlindungan warisan yang mampu milik dan berimpak tinggi.

9. Apakah dokumen diperlukan sekiranya ingin melanggan Alliance e-Amanah?

Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:

- e-Daftar Alliance e-Amanah (borang pendaftaran dalam talian yang lengkap);
- Salinan Kad Pengenalan pelanggan sah.

9. Apakah dokumen diperlukan sekiranya ingin melanggan Alliance e-Amanah?

Amanah	Amanah menandakan prinsip asas kepercayaan, integriti, dan tanggungjawab. Ia bukan sekadar menepati janji atau bersikap jujur; ia merangkumi pemenuhan tanggungjawab, bertindak dengan ikhlas, dan memikul amanah terhadap tindakan sendiri, terutamanya dalam perkara yang melibatkan kepercayaan dan tanggungjawab.
Takaful	Takaful bermaksud saling membantu dan melindungi antara satu sama lain. Ia adalah satu sistem di mana sekumpulan orang menyumbang wang ke dalam dana bersama, yang kemudiannya digunakan untuk menyokong ahli-ahli yang menghadapi kesulitan, seperti sakit, kematian, atau kehilangan harta. Takaful mengikut prinsip Islam dan berasaskan nilai-nilai seperti bantuan bersama, tanggungjawab bersama dan kerjasama.
Wakalah	Ia merujuk kepada pemindahan tanggungjawab oleh seseorang (Muwakkil) kepada individu lain (wakil), dengan bayaran yang dipersetujui (fi Wakalah) dan terma tertentu, di mana wakil dipercayai untuk melaksanakan tanggungjawab yang dipindahtangankan.

10. Untuk maklumat lanjut, hubungi kami untuk mendapatkan khidmat rundingan secara PERCUMA.

RAKYAT TRUSTEE BERHAD
Suite 1, Tingkat 24, Menara TH Selborn,
No. 153, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala Lumpur
Talian Mesra Rakyat: +603 2602 2722
Emel: admin@rakyattrustee.com
Laman Sesawang: www.rakyattrustee.com

Versi 2/2025

Tarikh kemaskini: 19 November 2025